

SOALAN NO. 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]

TARIKH : 18 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah semakan gaji diperlukan termasuk penjawat awam seperti Pengarah dan pegawai dan bila (back dated) dikuatkuasakan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan semakan gaji penjawat awam. Di antaranya ialah semakan sistem saraan pada tahun 2002 dan penambahbaikan gaji pada tahun 2007, 2012 dan 2013. Pada tahun 2016 pula, Kerajaan telah bersetuju dengan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Ia bertujuan melaksanakan penetapan Gaji Permulaan Terendah RM1,200 sebulan yang melibatkan 60,000 penjawat awam dan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada 1.6 juta penjawat awam berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 berikutan rasionalisasi skim perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.